

Program lahirkan pemimpin pelapis terbaik

Serdang: Bagi melahirkan pemimpin pelapis terbaik negara pada masa depan, Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menjalankan Projek Pemimpin Masa Depan Putra Lead dalam tempoh terdekat, membabitkan 50 pelajar cemerlang pada setiap tahun.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Mohamad Shatar Sabran, berkata pelaksanaan projek julung kali itu ekoran menyedari ramai golongan muda yang memasuki universiti berkenaan memiliki ciri kepemimpinan.

Sesi temu duga

“Setiap tahun selepas pendaftaran semester baru yang bermula daripada pengambilan pelajar terkini, kita akan mengadakan sesi temu



duga kepada mana-mana pelajar UPM dari semua fakulti yang berminat menyertainya.

“Kita akan memilih 50 pelajar terbaik untuk diserapkan ke dalam projek ini untuk menjela-

“

Kita akan memilih 50 pelajar terbaik untuk diserapkan ke dalam projek ini untuk menjalani kepemimpinan yang disediakan”

Mohamad Shatar Sabran,
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal HEP dan Alumni UPM

ni aktiviti kepemimpinan yang disediakan.

“Projek ini akan membabitkan aktiviti dalam tempoh tertentu di luar waktu kuliah, sepanjang pengajian pelajar di sini,” katanya

ketika ditemui di Bangunan Pentadbiran UPM, di sini, baru-baru ini.

Mohamad Shatar berkata, pelajar akan menjalani kursus kepimpinan, membentuk nilai terbaik dan pembawaan diri sebagai pemimpin berkualiti yang dikendalikan kakitangan serta penguurusan berpengalaman UPM.

Beliau berkata, mereka akan diterapkan dengan pelbagai aspek kemahiran, termasuk pemakaian, penampilan dan komunikasi bagi memantapkan ciri kepemimpinan sedia ada dalam diri masing-masing.

Pada akhir projek, katanya, universiti menyasarkan untuk melahirkan graduan yang memiliki pakej lengkap sebagai pemimpin terbaik sama ada dalam sektor pekerjaan atau pentadbiran.